

**Profil Penyertaan Dalam Pendidikan Non-Formal Di Masjid:
Implikasi Terhadap Pembangunan Modal Insan Belia
(Participation Profile of Non-Formal Education At Masjid: The
Implications on The Development of Human Capital Among
Youths)**

Adanan Mat Junoh, Zulkiple Abd Ghani, Mohd Rushdan Mohd Jailani &
Khairunnezam Mohd Noor¹
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Agenda Pembangunan Modal Insan merupakan satu daripada fokus kerajaan yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia Ke-10. Inisiatif murni kerajaan ini bertitik tolak daripada keyakinan bahawa modal insan adalah aset yang kritikal dalam menentukan kejayaan dan pembangunan sesebuah negara. Dalam masa yang sama, agenda pembangunan modal insan dalam kalangan belia turut diberikan penekanan khusus oleh para pemimpin negara atas dasar bahawa golongan inilah yang akan menjadi pelapis pentadbiran negara pada masa hadapan. Maka beberapa strategi pembangunan modal insan dalam kalangan belia telah dilaksanakan melalui spektrum pendidikan termasuklah pendidikan formal, non-formal dan informal. Artikel ini menerangkan mengenai profil belia dan penyertaan mereka dalam aktiviti pendidikan non-formal yang dianjurkan masjid berdasarkan dapatan kajian dalam kalangan 971 responden. Dapatan kajian mendapati bahawa belia menunjukkan minat walau pun dalam tahap sederhana dalam aktiviti yang dianjurkan oleh masjid. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa sebab utama penglibatan belia dalam aktiviti pendidikan non-formal adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Begitu pun, faktor institusi merupakan faktor paling terkesan dalam menghalang penyertaan belia. Agama dan keluarga adalah dua keperluan penting yang diharapkan oleh belia melalui pendidikan non-formal. Hasil kajian ini merumuskan bahawa masjid adalah institusi sosial yang signifikan dan berpotensi menjadi pusat pembangunan modal insan dalam kalangan belia di negara ini. Maka, institusi masjid perlulah ditadbir dengan lebih cekap melalui program dan infrastruktur yang mantap untuk menarik minat lebih penyertaan dalam kalangan belia terhadap aktiviti pembelajaran non-formal di masjid.

¹ Corresponding author : Khairunnezam Mohd Noor, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mel : neezam@usim.edu.my

Kata kunci: masjid, belia, pendidikan non-formal, pembangunan modal insan, profil penyertaan

Abstract

Human capital development agenda is one of the focuses of the government in 9th and 10th Malaysian Plan. This exceptional initiative derived from the belief that human capital is a critical asset that will determine the success and development of a nation. In the mean time, the agenda of human capital development among youth has been given a serious consideration from the nation's forefronts because the youth are those who will be the successors of the workforce and the nation's leaders in the future. Therefore, several pertinent strategies of human capital development among youth were executed via numerous educational spectrums such as formal, non-formal, and informal education. This article reflects the research findings of youth's participation in non-formal education in the mosque. The article explains the participation profiles among youth in non-formal education in the mosque based on the findings on the survey among 971 respondents. The findings show that youth were interested into the education activities provided by mosques. However the level of the interest is moderate. The findings also showed that the main reason of youth's participations in non-formal education is to seek for knowledge. Nevertheless, the institutional factor is identified as the main factor impeding youth's participations. However, religion and family are two other important needs of non-formal education among youth. Based on these findings, this paper summarized that mosque is a significant social institution and has a potential to be the center for human capital development among youth in this country. Hence, it must be better maneuvered through a lot of intensification programs and upgraded learning infrastructure to exert a pull on more participations among the youth in the educational activities in the mosque.

Keywords: mosque, youth, non-formal education, human capital development, participation profile

PENDAHULUAN

Pembangunan modal insan merupakan antara teras tumpuan kerajaan khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Inisiatif ini bermula daripada kesedaran bahawa modal insan merupakan aset utama yang bakal menentukan kejayaan sesebuah masyarakat, organisasi dan negara. Walaupun perkataan modal insan telah lama diperkenalkan terutamanya oleh sarjana ekonomi dari barat (Abdul Jalil, 2007), namun istilah tersebut masih baru di negara ini (Adanan, Mohd Rushdan & Zulkiple, 2010). Inisiatif dan tumpuan kerajaan

dalam pembangunan modal insan yang diterjemahkan melalui peruntukkan kewangan yang besar untuk aktiviti pendidikan sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi. Ini selaras dengan pendapat Rashidi (2010) yang menyatakan pendidikan mempunyai kepentingan dan peranan yang amat luas kepada pembangunan negara. Ini termasuklah sebagai agen perubahan sosial, penstrukturan ekonomi, transformasi masyarakat serta alat perpaduan kaum dan integrasi nasional. Justeru proses pendidikan manusia tidak seharusnya terhenti di peringkat pendidikan formal sama ada di sekolah, kolej atau institusi pendidikan sahaja, malah ia perlu berterusan di sepanjang kehidupan. Teras pembangunan masyarakat adalah pendidikan berterusan atau sepanjang hayat dan pemeraksanaan masyarakat (Federation of Community Development, dalam Maimunah, 2009) melalui semua spektrum pendidikan di pelbagai lokasi (Adanan, 2006, Mazanah dan Adanan 2003, Livingstone, 2000). Dalam konteks ini Adanan, Rushdan dan Zulkiple (2011) menegaskan pembinaan tamadun bangsa adalah berpaksikan ilmu melalui pendidikan sepanjang hayat. Ini selaras dengan pandangan Wan Mohd Nor (2011) yang menyatakan salah satu ciri budaya ilmu adalah sentiasa mengkaji, mencari dan mendalami ilmu pengetahuan yang bertujuan untuk dimanfaatkan untuk kesejahteraan manusia.

BELIA DAN PENDIDIKAN MASJID


Secara umum belia merujuk kepada golongan muda remaja dari segi umur. Sebenarnya, takrifan belia berdasarkan umur berbeza antara satu negara ke satu negara yang lain. Mengikut Adanan et.al, (2011), perbezaan ini antaranya disebabkan oleh setiap negara mempunyai Dasar Belia Negara tersendiri yang berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, di Australia belia adalah individu yang berumur 15 hingga 25 tahun, manakala di India remaja adalah mereka yang berumur 13 hingga 35 tahun. Di negara Korea pula, belia adalah mereka yang berumur antara 9 hingga 24 tahun (Youth Policy Formulation Manual, 1991). Bagi Malaysia, Dasar Belia Negara mentakrifkan belia adalah individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun (Kementerian Belia dan Sukan, 2011). Dalam konteks ini, Norhasni (2007) menjelaskan belia adalah golongan pemuda dan pemudi. Beliau seterusnya menyatakan golongan belia dikategorikan kepada tiga fasa iaitu remaja, transisi (pra matang) dan fasa dewasa. Pada masa ini terdapat 11.2 juta golongan belia di negara ini (Md Salleh, Hayrol Azril, Bahaman, Musa dan Narimah, 2009) yang merangkumi 40.6% daripada 27.7 juta keseluruhan penduduk Malaysia. Berdasarkan peratusan tersebut, maka generasi belia merupakan golongan terbesar bagi penduduk Malaysia. Oleh yang demikian, golongan tersebut sangat berpotensi sebagai tenaga kerja dan penyumbang kepada pembangunan negara (Turiman, 2009). Sebagai aset terpenting negara, agenda pembangunan belia melalui pelbagai bentuk pendidikan yang

berterusan perlu diperkasa dan dipertingkatkan. Menurut Mohamad Fazli dan Jariah (2009:137), kepentingan serta peranan belia dalam pembangunan negara jelas apabila satu kolom khas ditumpukan kepada kumpulan belia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Selain itu, agenda memajukan belia terus diperkukuh dalam perancangan negara. Masjid yang menjadi pusat kepada pembangunan ummah perlu berperanan penting sebagai tempat menjana potensi kepimpinan belia dalam aspek rohani dan jasmani. Kedudukan dan peranan masjid sebagai tempat ibadat dan rumah Allah dalam kalangan masyarakat Islam telah ditegaskan dalam al-Quran dan Sunnah. Dalam surah al-Taubah ayat 108 Allah berfirman maksudnya: “Sesungguhnya masjid yang diasaskan di atas dasar takwa semenjak hari pertama ia didirikan adalah lebih berhak untuk engkau (Wahai Muhammad) menunaikan sembahyang padanya”. Perkataan masjid berasal daripada perkataan Arab *sajada*, *yasjudu* dan *sujudan* yang bermaksud tempat sujud (Abdullah & Muhyudin, 2003:1). Zulkiple (2003), pula menjelaskan masjid ialah tempat sujud bagi Muslim yang menggambarkan adanya interaksi antara manusia dengan penciptanya. Menurut Mohd Azhar et al. (2010), kewujudan masjid adalah sesuatu yang menjadi kewajipan dalam membina keyakinan dan membentuk model ibadah bagi umat Islam yang tercerna dari asas-asas pendidikan al-Quran dan Sunnah. Jika ditinjau dari perspektif yang lebih luas, masjid bukan sahaja tempat sujud atau beribadat kepada Allah SWT, malah, fungsi masjid menjangkau lebih daripada itu (Adanan, 2006; Adanan et al., 2010). Masjid merupakan salah satu institusi sosial (Mazanah & Adanan, 2003) yang penting bagi masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia khusus sebagai pusat pendidikan. Berdasarkan catatan sejarah, masjid merupakan institusi sosial yang penting bagi masyarakat Melayu yang terbina melalui kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Parameswara menyediakan tanah kepada saudagar Arab untuk membina masjid sebagai pusat pendidikan bagi masyarakat setempat. Masjid terus menjadi institusi pendidikan dan pusat kegiatan masyarakat yang penting, walaupun proses pemodenan masyarakat dan sistem pendidikan berlaku dengan pesat.

PEMBELAJARAN NON-FORMAL DALAM KERANGKA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pendidikan non-formal melalui institusi masjid merupakan pelengkap kepada spektrum pendidikan lain bagi pembangunan modal insan seperti yang disimpulkan melalui Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Kerangka Pembangunan Modal Insan. Sumber: Adanan & Khairunneezam, 2012

Pembelajaran non-formal merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang dianjurkan oleh institusi sosial yang dikhususkan untuk masyarakat setempat. Bentuk pembelajaran ini biasanya dilaksanakan tanpa struktur dan kurikulum yang sistematik serta tidak melibatkan penganugerahan sijil yang diiktiraf (Tylor, 2006). Namun begitu bentuk pembelajaran ini diakui sebagai instrumen penting untuk membangunkan masyarakat yang berilmu pengetahuan (Adanan et al., 2011) dan penggerak kepada perubahan masyarakat. Pada masa yang sama spektrum pembelajaran ini juga merupakan bentuk pembelajaran yang menjadi alternatif kepada mereka yang tidak berpeluang untuk mengikuti pembelajaran formal. Mazanah (2001) menyifatkan pembelajaran non-formal sebagai peluang pendidikan kedua kepada ahli masyarakat. Sesuai dengan ciri masyarakat Melayu Islam di negara ini yang sentiasa mementingkan ilmu pengetahuan, maka mereka terus menyertai program pembelajaran non-formal anjuran masjid.

PERNYATAAN MASALAH DAN PERSOALAN KAJIAN

Sebagai suatu entiti yang sangat penting khususnya bagi masyarakat Melayu Islam, Masjid kekal menjadi satu institusi sosial mengendalikan pelbagai program pendidikan non-formal sehingga ke hari ini (Abdullah, dalam Adanan, 2006) termasuk kepada golongan belia. Namun begitu, tidak banyak yang diketahui mengenai profil penyertaan belia dalam program pendidikan di masjid. Ini selaras dengan pandangan Tylor (2006), dan Kuenzi (2003) yang menyatakan pendidikan non-formal kurang mendapat pemerhatian daripada penyelidik. Sedangkan mengikut Eraut (2004) serta Merriam dan Caffarella (2006), profil penyertaan sangat penting untuk merencanakan program pembangunan modal insan yang berkesan. Justeru, dalam mengenal pasti profil penyertaan, kajian ini berpandukan persoalan-persoalan di bawah:

- i. Apakah sikap belia terhadap aktiviti pendidikan anjuran institusi masjid?
- ii. Sejauh mana penglibatan belia dalam aktiviti pendidikan non-formal di masjid?

- iii. Apakah tujuan penyertaan golongan belia dalam aktiviti pendidikan non-formal?
- iv. Apakah halangan untuk menyertai aktiviti pendidikan non-formal?
- v. Apakah keperluan bagi pendidikan non-formal di masjid?

Berdasarkan jawapan daripada persoalan tersebut, kertas ini menganalisis implikasi pendidikan non-formal di masjid terhadap pembangunan modal insan golongan belia.

METODOLOGI

Bagi menjawab semua persoalan seperti yang digariskan di atas, satu penyelidikan yang menggunakan kaedah kuantitatif telah dijalankan dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang dibangunkan khusus untuk kajian ini. Data dikumpulkan dengan melibatkan 1000 responden yang dipilih secara rawak dalam kalangan golongan belia yang menyertai persatuan belia di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Daripada 1000 borang soal selidik yang diedarkan kepada responden dengan bantuan pegawai-pegawai dari Pejabat Belia dan Sukan Negeri tersebut, sebanyak 971 borang selidik yang dijawab lengkap (97% peratus kadar respons), dapat dikumpulkan semula dan dianalisis untuk kajian ini. Data dianalisis berdasarkan statistik deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Ciri Sosio-Demografi Responden

Ciri-ciri sosio-demografi responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti dalam Jadual 1. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa responden bagi kajian ini terdiri daripada pelbagai latar belakang sosio-demografi. Ini menunjukkan persatuan belia di negara ini disertai oleh pelbagai lapisan belia dan tidak terfokus hanya pada satu-satu nilai sosio-demografi yang serupa.

Jadual 1: Ciri sosio-demografi responden

	Ciri Sosio-Demografi	Frekuensi	%
Jantina	Lelaki	516	53.1
	Perempuan	455	46.9
	Melayu	957	98.6
Bangsa	India	6	0.6
	Lain-lain	8	0.8

	15-20 tahun	449	46.2
	21-25 tahun	271	27.9
Umur	26-30 tahun	133	13.7
	31-35 tahun	62	6.4
	36-40 tahun	56	5.8
	Bujang	755	77.8
Taraf Perkahwinan	Berkahwin	191	19.7
	Duda/Janda	25	2.6
	Tidak Bersekolah	34	3.5
	Sekolah Rendah	33	3.4
	SRP/LCE	66	6.8
	SPM/SPVM/MCE	471	48.5
Latar belakang pendidikan	STP/STPM	71	7.3
	Diploma	150	15.4
	Ijazah	86	8.9
	Sarjana	18	1.9
	Lain-lain	42	4.3
	Luar Bandar	565	58.2
Lokasi tempat tinggal	Bandar	406	41.8
	Pelajar	321	33.1
	Pekerja Swasta	207	21.3
	Kakitangan Kerajaan	128	13.2
Pekerjaan	Pekerja Separuh Masa	120	12.4
	Tidak Bekerja	147	15.1
	Bekerja sendiri	48	4.9
	Kurang RM 1000.00	752	77.4
	RM1000.00 – 5000.00	182	18.7
Pendapatan bulanan	RM5001.00 – 10000.00	24	2.5
	Lebih RM 10000.00	13	1.3

Berdasarkan Jadual 1, 53.1% (516 orang) adalah lelaki manakala 46.9% (455 orang) adalah perempuan. Sebilangan besar responden (98.6%) adalah berbangsa Melayu. Hal ini adalah demikian, disebabkan oleh kaedah pengutipan data dalam kajian ini difokuskan kepada belia Islam yang terlibat dengan aktiviti pendidikan di Masjid. Menurut Mohd Koharuddin (2005), hampir semua orang Melayu di negara ini adalah Islam. Oleh kerana belia adalah individu yang berumur antara 15 hingga 40 tahun, maka responden

bagi kajian ini adalah dalam julat umur tersebut dengan responden dalam julat umur antara 15 hingga 20 tahun merekodkan peratusan paling tinggi (46.2%). Peratusan paling rendah (5.8%) direkodkan oleh responden dalam kategori umur antara 35 hingga 40 tahun.

Daripada aspek jantina pula, sebahagian besar iaitu 77.8% (755) responden adalah mereka yang belum mendirikan rumah tangga. Ini konsisten dengan peratusan yang tinggi bagi responden yang berumur antara 15 hingga 20 tahun. Dalam konteks Malaysia, pada usia ini golongan belia biasanya belum mendirikan rumah tangga. Golongan belia yang mempunyai kelulusan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merekodkan peratusan responden yang paling tinggi iaitu 48.5%. Belia dari kawasan luar bandar merupakan bilangan responden yang lebih tinggi (58.2%) berbanding dengan belia dari bandar (41.8%). Konsisten dengan umur responden, sebahagian besar responden adalah golongan pelajar (33.1%). Justeru, sebahagian besar responden berpendapatan kurang dari RM1000.00 sebulan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Profil Penyertaan

Dalam kajian ini, profil penyertaan meliputi sikap terhadap penyertaan dalam aktiviti pendidikan non-formal di masjid, tahap penyertaan, halangan, tujuan dan keperluan pendidikan non-formal.

Sikap Terhadap Aktiviti Pendidikan Di Masjid

Kajian ini membahagikan sikap terhadap pendidikan kepada tiga kategori mengikut nilai min bagi sepuluh item dalam selidik berdasarkan skala seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Skala bagi pengukuran sikap terhadap pendidikan

Skala	Sikap terhadap pendidikan
1.00 hingga 2.33	Tidak berminat
2.34 hingga 3.67	Berminat
3.68 hingga 5.00	Sangat berminat

Di sebalik pelbagai suara yang mengatakan golongan belia tidak minat untuk menyertai aktiviti pendidikan di masjid, kajian ini mendapati sebilangan besar iaitu 71.2% atau seramai 691 responden sangat berminat terhadap pendidikan non-formal di masjid. Hanya satu peratus atau seramai 10 orang responden sahaja didapati tidak berminat dengan aktiviti pendidikan. Manakala 27.9% (270) responden didapati berada dalam kategori berminat terhadap aktiviti pendidikan di masjid seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Sikap terhadap Pendidikan di Masjid

Sikap terhadap pendidikan	Bilangan	Peratus
Tidak berminat	10	1.0
Berminat	270	27.8
Sangat berminat	691	71.2

Minat yang tinggi oleh responden terhadap aktiviti pendidikan di masjid yang didapati dari kajian ini menunjukkan mereka masih berpegang teguh kepada budaya Melayu dan ajaran Islam yang mementingkan ilmu pengetahuan. Ini bersesuaian dengan pendapat Mohd Koharuddin (2005) yang menegaskan orang Melayu Islam sangat berminat dengan ilmu melalui aktiviti pendidikan. Ini terbukti apabila orang Melayu dari segenap lapisan masyarakat membina masjid dan surau sebagai tempat pendidikan pada zaman kesultanan Melayu Melaka.

Tahap Penyertaan dalam Aktiviti Pendidikan Non-formal

Kajian ini membahagikan tahap penyertaan dalam aktiviti pendidikan non-formal di Masjid kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi mengikut nilai min bagi sepuluh item pada soal selidik berdasarkan skala seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut.

Jadual 4: Skala bagi Pengukuran Tahap Penyertaan

Skala	Tahap Penyertaan
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Walaupun kajian mendapati sebilangan besar responden sangat berminat dengan aktiviti pendidikan di masjid seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, tetapi dapatan yang agak mengejutkan didapati dari segi penyertaan. Kajian ini mendapati hanya 28.7% (279) responden merekodkan penyertaan yang tinggi manakala sebilangan besar responden iaitu 65.7% atau seramai 638 responden menyertai aktiviti pendidikan pada tahap sederhana. Kajian ini juga mendapati 5.4% atau 54 responden yang merekodkan tahap penyertaan yang rendah dalam aktiviti pendidikan di masjid seperti yang diperincikan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Penyertaan dalam Aktiviti Pendidikan

Tahap Penyertaan	Bilangan	Peratus
Rendah	54	5.4
Sederhana	638	65.7
Tinggi	279	28.7

Jika dibandingkan antara minat dan penyertaan, dapat dikatakan bahawa responden berminat terhadap aktiviti pendidikan tetapi pada masa yang sama dapatan menunjukkan penyertaan mereka pada tahap yang belum memuaskan. Dapatan yang agak kontra ini sekaligus menunjukkan terdapat faktor yang menghalang responden menyertai aktiviti pendidikan di masjid. Scanlan dan Darkenwald (1984) menegaskan halangan terhadap penyertaan dalam aktiviti pendidikan merupakan isu yang penting dan perlu diberi perhatian. Apakah faktor yang menghalang penyertaan? Bahagian berikutnya memaparkan dapatan mengenai halangan terhadap penyertaan.

Halangan terhadap Penyertaan

Berdasarkan model halangan yang dikemukakan oleh Scanlan dan Darkenwald (1984) kajian ini mendapati tiga halangan terhadap penyertaan adalah institusi, situasi dan sikap.

Jadual 6: Halangan terhadap Penyertaan

Halangan	Nilai Min	Kedudukan
Institusi	2.81	1
Situasi	2.56	2
Sikap	2.18	3

Berdasarkan nilai min (2.81) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6, kajian ini mendapati halangan utama terhadap penyertaan aktiviti pendidikan adalah faktor institusi. Menurut Merriam dan Caffarella (2006), halangan institusi merujuk kepada kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan program pendidikan sehingga menjejaskan penyertaan. Ini termasuklah penganjuran program yang tidak relevan dengan keperluan dan tidak menarik. Kajian ini mendapati halangan sikap berada pada kedudukan ketiga dengan nilai min 2.18. Halangan sikap merujuk kepada halangan dari dalam diri individu terhadap pendidikan seperti tidak berminat, malas dan merasakan ilmu tidak penting lagi kepada kehidupan (Adanan, 2006; Merriam dan Caffarella, 2006). Dapatan ini konsisten dengan sikap terhadap pendidikan di masjid seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

Tujuan Penyertaan

Penyertaan dalam aktiviti pendidikan adalah berdasarkan kepada pelbagai tujuan. Menurut Merriam dan Caffarella (2006), kajian untuk mengenal pasti tujuan penyertaan dalam pendidikan telah lama bermula dan mendapat perhatian ramai penyelidik. Adanan (2006) pula menegaskan pembinaan instrumen *Educational Participation Scale* oleh Roger Boshier di sekitar tahun 1983 memberi impak besar kepada kajian untuk mengenal pasti tujuan penyertaan. Kajian mendapati tujuan penyertaan dalam pendidikan non-formal anjuran institusi masjid adalah mendapatkan ilmu pengetahuan, berkhidmat kepada masyarakat, perhubungan sosial, keperluan kerja dan matlamat personal. Berdasarkan nilai min, kajian ini mendapati tujuan utama penyertaan adalah mendapatkan ilmu pengetahuan dengan nilai min 4.17. Manakala keperluan tugas berada pada kedudukan kedua dengan nilai min 4.07. Di kedudukan ketiga pula adalah berkhidmat kepada masyarakat dengan nilai min 4.05. Keputusan terperinci ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Tujuan Penyertaan

Tujuan Penyertaan	Nilai Min	Kedudukan
Mendapatkan ilmu pengetahuan	4.17	1
Berkhidmat kepada masyarakat	4.07	2
Keperluan kerja	4.05	3
Perhubungan sosial	3.84	4
Matlamat personal	3.83	5

Kajian yang mendapati tujuan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan pada kedudukan pertama adalah konsisten dengan beberapa kajian terdahulu seperti Adanan (2006) dan Heilizer (2003). Pada masa yang sama, dapatan ini sangat signifikan kepada pembentukan golongan belia yang berilmu pengetahuan. Baron dan Armstrong (2007) menjelaskan pemilikan ilmu adalah antara syarat utama pembentukan modal insan.

Keperluan Pendidikan Non-Formal

Dalam kajian ini, keperluan pendidikan merupakan kandungan yang ingin dipelajari oleh golongan belia melalui penyertaan dalam aktiviti pendidikan non-formal. Jadual 8 berikut menunjukkan kedudukan kandungan yang diperlukan oleh golongan belia. Berdasarkan data dalam jadual tersebut, kajian ini mendapati agama merupakan kandungan yang paling diharapkan (91.6%) oleh responden. Ini diikuti oleh ilmu yang berkaitan dengan kekeluargaan (68.7%) dan kaunseling (36.3%). Kajian juga mendapati perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan perniagaan juga menjadi keperluan responden melalui aktiviti pendidikan non-formal di masjid.

Jadual 8: Kandungan

Kandungan	Frekuensi	Peratus	Kedudukan
Agama	889	91.6	1
Keluargaan	667	68.7	2
Kaunseling	352	36.3	3
Kesihatan	245	25.2	4
Perniagaan	212	21.8	5

Agama menjadi keperluan utama bagi pendidikan non-formal di masjid dalam kalangan belia bersesuaian dengan konsep masjid itu sebagai rumah Allah dan tempat ibadat bagi masyarakat Islam. Pada masa yang sama menuntut ilmu khususnya ilmu keagamaan sangat dituntut oleh Islam. Mempelajari ilmu agama merupakan inisiatif bagi kebanyakan rakyat Malaysia (Mazanah, 2001) dan sejajar dengan pendapat Stein dan Imel (2002) yang mengatakan pendidikan non-formal berkaitan dengan agama dan kehidupan. Adanan (2009) menegaskan pendidikan non-formal yang berteraskan ilmu agama bakal membentuk warga negara yang mempraktikkan agama dan melahirkan masyarakat yang berintegriti.

Jadual 9: Kaedah

Kaedah	Frekuensi	Peratus	Kedudukan
Syarahan	734	75.6	1
Perbincangan	602	62.0	2
Filem	224	23.1	3
Kursus	219	22.6	4
Bacaan	141	14.5	5

IMPLIKASI TERHADAP PEMBANGUNAN MODAL INSAN BELIA

Berdasarkan dapatan di atas, pendidikan non-formal di masjid merupakan satu bentuk pendidikan yang sangat penting bagi pembangunan modal insan golongan belia di negara ini khususnya bagi mereka yang tidak berpeluang untuk mengikuti pendidikan formal yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi. Berdasarkan dapatan daripada kajian ini, terdapat beberapa implikasi terhadap pembangunan modal insan di kalangan belia.

Pertama, hasil kajian mendapati bahawa belia sangat berminat terhadap aktiviti pendidikan non-formal yang dianjurkan di masjid. Ini merupakan satu kelebihan kerana masjid adalah institusi sosial yang boleh diakses oleh semua lapisan masyarakat. Dicadangkan agar kemudahan pembelajaran perlu dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa untuk menarik

lebih ramai penyertaan belia ke program anjuran masjid. Kedua, didapati bahawa halangan utama dalam kalangan belia untuk menyertai program di masjid adalah faktor institusi. Sebenarnya faktor institusi ini lebih mudah untuk diatasi berbanding dengan faktor sikap. Justeru, dalam konteks ini, tidak dapat dinafikan bahawa belia berupaya menjadi satu aset kepada pembangunan masyarakat melalui penglibatan dalam aktiviti pendidikan dengan syarat masjid sebagai institusi pendidikan non-formal merencanakan program yang lebih menarik.

Ketiga, hasil kajian mendapati bahawa tujuan utama penyertaan aktiviti di masjid adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Ini menggambarkan golongan belia sentiasa mencari ilmu pengetahuan dan ia merupakan kelebihan untuk pembangunan modal insan. Masjid sebagai pembekal pendidikan non-formal perlu memastikan program yang disediakan benar-benar memberi ilmu pengetahuan kepada para belia. Bukan itu sahaja, ilmu pengetahuan yang dijana melalui program pendidikan non-formal perlulah seiring dengan keperluan semasa para belia. Keempat, wujud keperluan dalam kalangan belia kepada pendidikan berasaskan agama dan institusi kekeluargaan. Pendidikan yang berasaskan kepada ajaran agama dan kekeluargaan sangat penting untuk melahirkan masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran agama. Modal insan yang berkualiti bukan sekadar melahirkan manusia yang berilmu, tapi pada masa yang sama berpegang teguh kepada ajaran agama demi kesejahteraan diri, keluarga dan agama. Untuk itu, sememangnya masjid merupakan platform yang paling tepat dan strategik untuk para belia mendapatkan input-input keagamaan. Pihak pengurusan masjid perlu peka kepada kaedah-kaedah yang sesuai dalam menarik minat para belia untuk “ringan kaki” bertandang ke masjid bagi memenuhi keperluan keagamaan mereka.

KESIMPULAN

Berdasarkan profil penyertaan yang meliputi elemen sikap terhadap pendidikan, tahap penyertaan, halangan, tujuan penyertaan serta kandungan dan kaedah pembelajaran, maka kajian ini merumuskan bahawa pendidikan non-formal di masjid sangat berpotensi untuk dijadikan sebahagian daripada strategi pembangunan modal insan golongan belia. Ini selaras dengan apa yang ditekankan oleh Baron dan Armstrong (2007) iaitu pembangunan modal insan tidak boleh dipisahkan daripada aktiviti pendidikan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa masjid berpotensi untuk menjadi pusat intelektual terbuka kepada para belia dalam mendalami ilmu keagamaan dan menyertai aktiviti pendidikan non-formal. Menurut Adanan dan Khairunneezam (2012), masjid boleh dikategorikan sebagai universiti terbuka, maka masjid di negara ini perlu dijadikan pusat pembelajaran yang lebih dinamik khusus bagi para belia. Bagi merealisasikan potensi tersebut, adalah dicadangkan beberapa

langkah strategik yang boleh diambil oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti berikut:

- i. Perancangan perlu dimulakan dengan segera untuk menjadikan masjid sebagai salah satu pusat pembelajaran dan pembangunan modal insan yang penting di negara ini. Selaras dengan itu, dasar kerajaan berkaitan pembelajaran non-formal perlu ditambah baik.
- ii. Infrastruktur pengajaran dan pembelajaran di masjid perlu dipertingkatkan bagi menarik lebih banyak penyertaan dalam pembelajaran non-formal. Ini meliputi penggunaan ICT dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan guru-guru yang terlibat dengan aktiviti pembelajaran di masjid. Pada masa yang sama, isu-isu ganjaran dan elaun guru-guru ini juga perlu sentiasa ditambah baik.

RUJUKAN

- Abdullah Mat dan Muhyudin Hj Aziz. (2003). *Konsep dan falsafah masjid*. Dalam Norrodzoh Hj Siren & Yusmini Md Yusof (Editor.), *Membangun institusi masjid*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Jalil Borhan. (2007). *Asas Pembangunan Modal Insan*. Kuantan: Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Adanan Mat Junoh dan Khairunneezam Mohd Noor (2012), *Potensi Masjid Sebagai Universiti Terbuka Bagi Masyarakat Melayu Islam Melalui Pembelajaran Non-Formal*. Kertas Kerja dibentangkan di Regional Seminar on Islamic Higher Educational Institutions 2012 (SeIPTI 2012). Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Adanan Mat Junoh, Mohd Rushdan Mohd Jailani dan Zulkiple Abd Ghani. (2011). *Kesamarataan Dalam Pendidikan: Potensi Pendidikan Non-Formal Anjuran Institusi Masjid Dalam Kalangan Belia*. Kertas Kerja dibentangkan di International Seminar on Humanities. Universiti Malaysia Kelantan. Pengkalan Chepa..
- Adanan Mat Junoh, Mohd Rushdan Mohd Jailani dan Zulkiple Abd Ghani. (2010). *Pembelajaran Non-Formal di Masjid. Pelengkap Kepada Pembangunan Modal Insan Organisasi*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Memperkasakan Masjid Sebagai Pusat Pengajaran dan Pembelajaran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adanan Mat Junoh. (2009). *Pemantapan Integriti Melalui Penyertaan Dalam Pembelajaran Non-Formal*. In Mustafar Haji Ali and Adanan Mat Junoh (eds). *Integriti dan Islam. Aplikasi berkesan membangun ummah*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.

- Adanan Mat Junoh. (2006). *Atribut Pembelajaran Non-Formal Dalam Kalangan Orang Melayu Dewasa di Malaysia*. Dissertasi Ph.D yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia. Serdang: Selangor.
- Baron, A. dan Armstrong, M. (2007). *Human Capital Management*. London: Kogan page.
- Darkenwald, G.G. dan Merriam, S.B (1982). *Adult education: Foundation and practice*. New York: Harper and Row Publication.
- Eraut, M. (2004). Informal learning in workplace. *Studies in Continuing Education*. 26 (2). 247-273.
- Heilizer, J.D. (2003). An examination of motivating factors related to participation in the public curriculum among adult learners. Disertasi Ph.D yang tidak diterbitkan, Layola University. UMI Digital Proquest Dissertation. <http://www.lib.umi.com/dissertations/fullcit/3114130>
- Houle, C. O. (1961). *The inquiring mind*. Madison: University of Wisconsin Press.
- Kementerian Belia dan Sukan. (2011). <http://www.kbs.gov.my/dokumen/pekeliling/FAQ>.
- Kuenzi, M. (2006). Non-formal education and community development in Senegal. *Community Development Journal*. 41 (2). 210-222.
- Livingstone, D.W. (2000). *Exploring the icebergs of adult learning: findings of the first Canadian survey of informal learning practices*. NALL Working Paper #10-2000. <http://www.oise.utoronto.ca/dept/csew/nall/res/10exploring.htm>
- Lohman, M.C. (2000). Enviromental Inhibitors to Informal Learning in the workplace. A case study of public school teacher. *Adult Education Quarterly*. 50 (2). 83 – 102.
- Maimunah Ismail. (2009). *Melestari Pembangunan Masyarakat Melalui Pendidikan Berterusan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mazanah Muhamad dan Adanan Mat Junoh. (2003). *Community based adult learning in Malaysia*. Dalam Osborne, M., & Gallacher, J. (Editor.), *Proceedings of Reseaching Widening Access-International Perspectives Conference*. Glasgow: Centre for Research in Lifelong Learning.
- Mazanah Muhamad. (2001). *Journey through Older Adulthood in Malaysia. The learning landscape*. Dalam West, L., Miller, N., O'Reilly, D., & Allen, R. (Editor.), *The Proceeding of the 31st Annual Conference of The Standing Conference on University Teaching and Research in the Education of Adults*. Nottingham: SCUTREA.
- Merriam, S.B., & Caffarella, R.S. (2006). *Learning in adulthood. A comprehensive guide*. (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohamad Fazli Sabri & Jariah Masud. (2009). *Literasi dan Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Belia*. In Nobaya Ahmad Haslinda Abdullah, Abdul Halim Sidek, Sarjit S.Gill, and and Dzuhailmi Dahalan (eds). *Pembangunan Belia Abad Ke-21. Isu dan Cabaran*.Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia

- Mohd Azhar Abdul Hamid, Paimah Atoma, Muhamad Fauzi Othman & Mohd Nasir Markom. (2004). *Andragogi: Mengajar orang dewasa belajar*. Bentong: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Koharuddin Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Md Salleh Hassan, Hayrol Azril Mohammad Shafri, Bahaman Abu Samah, Musa Abu Hassan dan Narimah Ismail. (2009). *Penggunaan ICT Dalam Kalangan Belia Tani*. Dalam Nobaya Ahmad Haslinda Abdullah, Abdul Halim Sidek, Sarjit S.Gill, and and Dzuhailmi Dahalan (eds). *Pembangunan Belia Abad Ke-21. Isu dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norhasni Zainal Abidin. (2007). *Belia Usahawan Tani Siswazah: Isu dan Cabaran*. Kertas Penyelidikan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBMB): Putra Jaya.
- Scanlan, C.S., & Darkenwald, G.G. (1984). Identifying deterrents to participation in continuing education. *Adult Education Quarterly*. 34(3). 155-166.
- Stein, D., & Imel, S. (2002). *Adult learning community: Themes and threads*. Dalam Stein, D., & Imel, S. (Editors.), *Adult learning in community: New directions for adult and continuing education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Tan Kui Kian & Mazanah Muhamad. (2001). *Deterrents to participation in continuing education and training. A Case of a professional organization*. Dalam Osborne, M., & Gallacher, J. (Editor.), *Proceedings of Reseaching Widening Access-International Perspectives Conference*. Glasgow: Scotland. Centre for Research in Lifelong Learning.
- Turiman Suandi. (2009). *Belia Sebagai Modal Insan dan Rakan Pembangunan Masyarakat dan Negara*. Dalam Nobaya Ahmad Haslinda Abdullah, Abdul Halim Sidek, Sarjit S.Gill, and and Dzuhailmi Dahalan (eds). *Belia dan Pembangunan Modal Insan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Taylor, E.W. (2006). Making Meaning of Local Non-formal Education: Practitioner' perspectives. *Adult Education Quarterly*. 56(4). 291-307
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2011). *Budaya Ilmu dan Gagasan 1 Malaysia dalam konteks Pembinaan negara maju*. Dalam Shahlan Ismail (editor). *Menjana negara sejahtera dan bahagia menjelang 2020*. Kuala Lumpur: Ilham Baru Publications.
- Youth Policy Formulation Manual (1991) <http://www.un.org/esa/socdev/unyin/documents/escap.pdf>.
- Zulkiple Abdul Ghani. (2003). *Komunikasi Masjid*. Dalam Norrodzoh Hj Siren & Yusmini Md Yusof (Editor.), *Membangun institusi masjid*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Adanan Mat Junoh
Zulkipl Abd Ghani
Mohd Rushdan Mohd Jailani
Khairunnezam Mohd Noor
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
zulkip@usim.edu.my
rushdan@usim.edu.my
neezam@usim.edu.my